

Sengsara banjir kilat

KUNDANG – Kejadian banjir kilat dan air bertakung di Kampung Baru Kundang dekat sini didakwa berpunca daripada longkang yang tersumbat di kawasan itu.

Penduduk di Lot 77 yang hanya mahu dikenali sebagai Halimah, 39, berkata, setiap kali hujan lebat setiap kali itulah halaman rumahnya dinaiki air.

“Jika hujan lebat, air akan masuk ke dalam rumah dan masalah ini kerap berlaku kerana longkang utama tidak mampu menampung air yang banyak malah ia turut tersumbat,” katanya.

Menurutnya, dia terpaksa menanggung kerugian akibat beberapa siri kejadian banjir kilat sebelum ini.

Sementara itu, Said Ludin, 57, berkata,

apabila air bertakung di atas jalan terutama pada musim hujan ia sememangnya menyulitkan keadaan.

“Kenderaan seperti motosikal tidak boleh lalu dan kena tunggu sehingga air surut dan air longkang yang tidak mengalir juga dikhuatiri menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes,” katanya.

Menurutnya, masalah itu sudah sepuluh tahun dihadapi penduduk dan langsung tidak mendapat perhatian daripada pihak berwajib.

“Longkang di sekitar kampung ini dan longkang utama di tepi jalan sepatutnya dinaiktarafkan, tetapi sejak dari dahulu sehingga sekarang longkang tersebut langsung tidak pernah dibaik pulih,” katanya.



■ Penduduk menunjukkan longkang yang tersumbat menjadi punca banjir kilat berlaku setiap kali hujan lebat di Kampung Baru Kundang.